

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]
TARIKH : 09 JUN 2015
SOALAN :

YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini Rang Undang-undang Air Minuman Yang Selamat (Safe Drinking Water Act). Adakah Menteri bercadang untuk membuat public consultation dan memberi taklimat kepada Ahli Parlimen terhadap Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih atas soalan yang telah dikemukakan. Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang dalam peringkat terakhir penyediaan deraf Rang Undang-Undang Air Minum Yang Selamat (RUU AMYS) sebelum dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan aspirasi Kerajaan mendukung prinsip ketelusan dan kesaksamaan bagi pelaksanaan sesuatu undang-undang, beberapa siri *public consultation* mengenai penggubalan RUU AMYS telah dilaksanakan oleh pihak KKM kepada pelbagai pihak berkepentingan seperti pihak regulator industri air, pihak pembekal air, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pengguna awam secara berterusan bermula pada tahun 2011 sehingga tahun 2014 yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan terhadap RUU AMYS yang sedang dibangunkan.

Lanjutan daripada itu, pihak KKM telah meneliti semula perkara-perkara yang dibangkitkan dan menambahbaik draf dokumen RUU AMYS dengan mengambil kira pandangan dan cadangan yang telah diterima semasa pelaksanaan *public consultation* berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dimaklumkan juga bahawa, setelah RUU AMYS dipersetujui oleh Jemaah Menteri, KKM akan mengadakan sesi taklimat terhadap Ahli Parlimen mengenai RUU ini sebelum ia dibentangkan di Parlimen.